

Konsep Sabar Menurut Imam Al-Ghazali (1058-1111 M) dan Relevansinya dalam Mendepani Covid-19

The Concept of Patience According to Imam Al-Ghazali (1058-1111 Ad) and Its Relevance in Dealing with Covid-19

NOZIRA SALLEH
INDRIATY ISMAIL
SHARIFAH ISMAIL

ABSTRAK

Dunia digemparkan dengan munculnya novel coronavirus atau dikenali secara ringkasnya Covid-19 pada akhir 2019 di Wuhan, Negara China. Hari demi hari, angka mereka yang disahkan menghidapi novel coronavirus meningkat. Ia telah merebak pantas ke seluruh dunia, bahkan melibatkan jutaan pesakit dan juga kematian. Dalam mendepani wabak tersebut, sesungguhnya ramai Muslim secara khususnya dan manusia secara amnya agak panik, keliru, gusar dan bimbang yang mana ia tentunya menggugat keharmonian diri dan masyarakat. Justeru, artikel ini cuba menerokai dan menyelidiki sifat sabar menurut Imam al-Ghazali dan kepentingan penghayatannya kepada umat Islam secara khususnya dalam menghadapi cabaran dan kesan Covid-19. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada buku, artikel jurnal, bab dalam buku, suratkhbar dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk. Hasil kajian mendapati bahawa sifat sabar yang diamalkan oleh Muslim terutama dalam mendepani cabaran dan ancaman Covid-19 mampu melahirkan sifat tenang, damai, kuat dan redha dengan pelbagai ujian yang melanda.

Kata kunci: Sabar; Covid-19; Ujian; Muslim; Malaysia

ABSTRACT

The world was shaken by the emergence of the novel coronavirus or simply known as Covid-19 in late 2019 in Wuhan, China. Day by day, the number of those diagnosed with novel coronavirus is increasing. It has spread rapidly worldwide, even causing millions of patients and even deaths. In dealing with that epidemic, indeed many Muslims particularly and human beings generally are quite panicked, confused, angry and worried which it certainly threatens the harmony of themselves and society. Thus, this article attempts to explore and study the nature of patience according to Imam al-Ghazali and the importance of its experience to Muslims in particularly facing the challenges and effects of Covid-19. This article uses the method of literature review by referring to books, journal articles, chapters in books, newspapers and other materials related to that title. The results of the study found that the patient is practiced by Muslims especially in the face of challenges and threats Covid-19 is capable to produce a calm, peaceful, strong and contented nature with various tests that befall.

Keywords: Patience; Covid-19; Test; Muslim; Malaysia

PENDAHULUAN

Novel coronavirus atau dikenali sebagai Covid-19 telah mula dikesan di Wuhan, China pada bulan Disember 2019. Wabak *coronavirus* ini sangat merbahaya kerana ia berlaku secara global, berpunca daripada *coronavirus* sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini menyebabkan jangkitan saluran pernafasan sehingga berpotensi menyebabkan kematian terutama kepada golongan tua, individu yang menghadapi masalah kesihatan

serta rendah sistem imun. Hari demi hari, angka mereka yang disahkan menghidapi *novel coronavirus* terus meningkat dengan pantas sehingga ia boleh dikatakan, tiada negara yang tidak dijangkiti oleh virus ini. Begitu juga dengan kematian, ia mencatatkan rekod kematian penduduk dunia yang paling tinggi pada abad ini. Mengikut laman sesawang Outbreak.my (2021), jumlah penduduk dunia yang telah dijangkiti virus ini ialah 490,136,355 orang dan jumlah kematian pula ialah 6,207,179 orang. Manakala di Malaysia, jumlah

mereka yang dijangkiti ialah 2,614,480 orang dan jumlah kematian ialah 30,240 orang. Semua rekod ini dicatat dan diambil sehingga 29 Mac 2022. Ini bermakna bahawa dalam tempoh dua tahun, virus ini sangat agresif dalam membunuh manusia dari seluruh pelusuk dunia.

Apa yang lebih menggusarkan lagi, Malaysia dikatakan merupakan salah satu negara yang tertinggi di Asia Tenggara yang merekodkan bilangan individu yang positif *novel coronavirus*. Pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai usaha dengan mengadakan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang mana pada asasnya telah bermula pada hari Rabu iaitu 18 Mac 2020 sebagai fasa pertama dan kemudiannya disusuli dengan fasa kedua serta ketiga. Selepas itu, kerajaan telah mengadakan pelbagai usaha lagi seperti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan lain-lain lagi, yang mana semuanya bertujuan untuk mengekang penularan wabak ini secara serius dengan cara memutuskan rantaian Covid-19 (KKM 2020; Rozita 2020). Wabak berjangkit Covid-19 dapat dikawal menggunakan kaedah sekatan pergerakan (Chinazzi et. al 2010). Tindakan ini selaras dengan Akta Kawalan Dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Sesungguhnya, Covid-19 telah dan sedang mengubah dinamika dalam pelbagai sektor kehidupan manusia secara amnya. Dalam aspek kehidupan sosial secara khususnya, kebanyakan masyarakat masih keliru dan kurang yakin dalam menghadapinya secara matang, berhemah dan bertanggungjawab. Oleh sebab itu, telah muncul pelbagai isu, masalah dan polemik yang berterusan berkaitan dengan wabak itu dan kelangsungan kehidupan masyarakat dalam menghadapi wabak tersebut. Hal ini bermaksud bahawa pandemik Covid-19 bukan sahaja satu fenomena perubahan tetapi ia turut menjejaskan ekonomi, politik, sosial, psikologi manusia dan sebagainya lagi (Nik Azmi et.al 2021).

Kebimbangan masyarakat yang melampau pada penularan dan ancaman Covid-19 telah mendorong impak psikologi, seperti munculnya gangguan emosi yang berbentuk gejala kemurungan, ketakutan, gemuruh, tertekan, sukar tidur, sentiasa berasa cemas dan lain-lain lagi (Abdul Rashid et.al 2020). Tambahan lagi, semua kesan ini akan bertambah buruk apabila terdapat ahli keluarga yang hilang pekerjaan ekoran daripada wabak ini, maka munculnya keadaan ekonomi tenat dalam

isi rumah. Natiujahnya, kecelaruan pengurusan kehidupan bertambah kompleks dan serius sehingga menimbulkan pelbagai gangguan dalam kehidupan seharian, maka ada antara ahli masyarakat yang mengambil tindakan terburu-buru dengan mencuri, merompak, mendera, membunuh diri dan lain-lain lagi.

Dalam menghadapi musibah seperti ini, sesungguhnya agama Islam sangat menekankan agar setiap Muslim mengamalkan sifat sabar dalam kehidupan seharian. Ianya dilihat sebagai praktis terbaik yang amat berguna untuk menghadapi segala ujian dan cabaran hidup agar diri tidak hilang pertimbangan atau hilang kewarasan akal sehingga memilih sudut negatif, yang mana ia menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada diri dan keluarga. Justeru, dalam ruangan ini akan dibicarakan tentang konsep sabar menurut Imam al-Ghazali, yang mana ia dirujuk pada kitab tersohornya *Ihya' Ulum al-Din*. Kepentingan utama dalam pemilihan tokoh dan kitab tersebut kerana kedudukannya yang sudah biasa pada pembacaan dan pendengaran masyarakat Melayu di Malaysia. Tambahan lagi ia pula ditinjau daripada sudut relevansinya dalam menghadapi cabaran dan kesan wabak Covid-19, maka ia sangat bertepatan untuk memberi semangat kepada Muslim di Malaysia agar terus menghadapi wabak itu dengan sabar.

KONSEP SABAR MENURUT IMAM AL-GHAZALI (1058-1111 M)

Sabar menurut Kamus Dewan (1994) ialah betah menahan penderitaan sama ada kesakitan atau kesusahan dan juga bermaksud tidak terburu-buru atau tenang. Sabar boleh ditakrifkan sebagai menahan diri daripada melakukan sesuatu yang tidak baik dan juga tidak mudah putus asa dalam kehidupan. Ini bermakna, apa-apa perbuatan yang boleh mengekang jiwa daripada menjadi gelisah dan resah; menahan lidah daripada mengeluh dan berkata perkataan yang sia-sia; dan menahan tangan daripada mengambil dan membuat apa-apa yang tidak baik seperti mengoyakkan pakaian boleh dianggap sebagai sabar (Ibn Qayyim 1961). Begitu juga al-Makkī (1997) turut mendefinisikan sabar sebagai menahan diri daripada terpengaruh dengan godaan hawa nafsu, di samping memotivasikan diri agar tekun dalam beramal dan bersungguh-sungguh dalam menghadapi dugaan dan ujian yang menimpa. Imam al-Ghazali (1990) melihat sabar itu sebagai pengetahuan, keadaan dan amal,

di mana pengetahuan itu laksana pohon, manakala keadaan seperti dahannya dan amal bagaikan buah yang dihasilkan. Kesabaran akan memunculkan kekuatan yang mendorong untuk melakukan amal ibadat, atau dengan kata lain, memotivasikan diri untuk terus melakukan ibadah dan juga mengekang diri daripada terdorong kepada bisikan nafsu. Dalam al-Quran, beliau turut nyatakan bahawa istilah sabar mempunyai lebih tujuh puluh tempat, dan ini menunjukkan kelebihan dan kepentingannya yang sangat hebat.

Imam al-Ghazali (1990) menjelaskan bahawa sabar boleh dibahagikan kepada tiga keadaan. Pertama, kesabaran dalam memenuhi perintah Allah, yang mana seseorang Muslim itu mengetahui bahawa mereka yang bersabar akan mendapat ganjaran kebahagiaan untuk selamanya. Keduanya pula ialah kesabaran ketika meninggalkan dan menjauhkan diri daripada larangan Allah. Dalam bahagian ini, Imam al-Ghazali (1990;1988) menegaskan bahawa ia adalah tingkat kesabaran yang paling berat. Akhir sekali, kesabaran dengan perintah Allah berhubung dengan penderitaan dan kesulitan, yang mana seseorang Muslim itu terpaksa menghadapinya tanpa mempunyai sebarang pilihan untuk menolaknya. Contohnya adalah musibah seperti gangguan penyakit dan kematian ahli keluarga yang terdekat.

Daripada kenyataan Imam al-Ghazali tersebut, ia secara jelas menunjukkan bahawa sabar adalah kesungguhan seseorang hamba dalam menahan diri daripada terpengaruh hawa nafsu, dengan memperbaiki akhlak buruk agar terbentuk akhlak yang mulia. Sabar juga dilihat dalam menghadapi pelbagai ujian hidup dan ia mampu menyuburkan ketaatan kepada Allah s.w.t., sebagaimana firman Allah:

Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang mempunyai bahagian yang besar daripada kebahagiaan dunia dan akhirat.

(Surah al-Fussilat 41:35)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa banyak perkara kebaikan di dunia ini tidak dapat dilakukan jika tidak diiringi dengan kesabaran. Namun, kesabaran berada pada tahap berbeza dalam kalangan individu. Seseorang mungkin bertindak balas secara negatif dan menjadi tidak sabar dan sekali gus, meninggalkan kesan kepada hubungan seseorang dengan Allah serta manusia lain. Justeru, sabar begitu sukar untuk dipraktikkan kecuali oleh

orang yang kuat imannya dan tabah menghadapi segala keadaan. Firman Allah:

(Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan kami (Allah) akan memberikan balasan kepada orang yang bersabar itu pahala, menurut apa yang telah mereka kerjakan dengan sebaiknya.

(Surah al-Nahl 16: 96)

Berdasarkan kefahaman ayat ini, ia jelas menunjukkan bahawa Allah akan kurniakan ganjaran pahala kepada mereka yang sabar kerana ia sangat susah untuk dipraktikkan dengan sebaiknya dalam kehidupan. Oleh sebab itu, Imam al-Ghazali (1990) seringkali nyatakan: “sabar itu separuh daripada iman.” Ia bermakna bahawa sabar mampu menyempurnakan iman seseorang Muslim.

SABAR MENURUT IMAM AL-GHAZALI (1058-1111 M) DAN KEPENTINGAN PENGHAYATANNYA DALAM MENDEPANI CABARAN DAN ANCAMAN WABAK COVID-19

Sabar merupakan satu sifat mulia yang sukar untuk dipraktikkan oleh manusia secara sempurna dalam kehidupan. Imam al-Ghazali (1988) menyatakan dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din*: “Maka sabar itu adalah ciri khas insan.” Hal ini bermakna bahawa sabar hanya dapat dipraktis dan dimiliki oleh manusia sahaja. Justeru, sifat sabar dan kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan, di mana keduanya saling memerlukan dalam melaksanakan pelbagai amanah Allah di atas dunia ini. Seterusnya, Imam al-Ghazali (1990; 1988) turut menegaskan bahawa sifat sabar amat diperlukan oleh setiap manusia terutamanya ketika menghadapi ujian atau musibah. Begitu juga dengan al-Qaradhawi (1992) yang menyatakan bahawa sabar merupakan keperluan manusia seluruhnya, apatah lagi bagi mereka yang beriman, di mana mereka akan diuji dengan kesusahan, pelbagai ujian terhadap harta benda dan juga kemuliaan yang ada di sisi mereka. Ia bertepatan dengan firman Allah:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuiNya orang yang berdusta”

(Surah al-Ankabut 29: 2-3).

Ayat al-Quran itu menjelaskan fitrah orang beriman pasti akan diuji oleh Allah s.w.t. dengan pelbagai ujian bagi memastikan iman seseorang hamba itu teguh kepada-Nya. Segala yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku telah ditentukan oleh Allah dan manusia perlu menerima segala ketentuan tersebut dengan sabar dan reda. Tambahan lagi, tiada sesuatu pun yang berlaku tanpa keizinan dan pengetahuan Allah, termasuklah wabak Covid-19. Mengenai isu ini, ada yang berpendapat ia adalah bencana yang diturunkan sebagai balasan atas perbuatan buruk dan kezaliman manusia yang telah dilakukan, ada juga yang mengatakan ia adalah *kaffarah* kepada dosa-dosa umat manusia dan ada yang meyakini ia adalah ujian dan peringatan kepada manusia. Secara mudahnya, setiap manusia hendaklah berbaik sangka kepada Allah dan meyakini bahawa setiap penyakit termasuklah Covid-19 telah termaktub dalam takdir Allah. Ia adalah salah satu ujian daripada Allah yang diturunkan dengan keizinan dan pengetahuan-Nya (Rosmizi 2020).

Nyatanya, Covid-19 merupakan salah satu wabak yang paling bahaya pada zaman ini. Ia sememangnya berlaku dan telah menyerang seluruh dunia sehinggakan tidak ada sesiapa pun yang dapat menafikan bahawa musibah ini adalah terlalu berat untuk dihadapi dan amat sukar untuk diselesaikan oleh semua pihak. Dalam menghadapi ancaman dan kesan daripada penularan wabak ini, seseorang Muslim itu perlulah sentiasa memupuk sifat sabar dalam diri. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali (1990) pernah menegaskan bahawa setiap umat Islam harus menelan pahitnya kesabaran dalam menghadapi hal ehwal dunia yang pelbagai ragam dan sifatnya.

Kemudian, Imam al-Ghazali (1991) mengungkapkan bahawa hakikat sabar itu bermula dengan keteguhan agama bagi melawan hawa nafsu. Dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din*, beliau (1990;1988) nyatakan “meninggalkan perbuatan-perbuatan yang penuh dengan nafsu syahwat adalah amalan yang dihasilkan oleh suatu hal iaitu sabar.” Pada zaman sekarang terutama dalam menghadapi penularan wabak Covid-19, sabar amat diperlukan bagi menahan diri daripada mengikuti dorongan hawa nafsu seperti mudah marah, perasaan resah gelisah, tidak tenteram, sentiasa berfikir perkara yang tidak sepatutnya terutama apabila mengetahui tentang ancaman dan kesan wabak ini pada manusia sehingga menyebabkannya tertekan dan akhirnya akan membawa kepada pelbagai konflik jiwa (Abdul Rashid et. al 2020). Imam al-Ghazali (1990;1988)

juga nyatakan bahawa tingkat kesabaran ini adalah yang paling berat kerana seseorang itu perlu menahan keinginan nafsu daripada melakukan sesuatu yang merosakan diri sama ada daripada sudut mental dan fizikal serta menjauhkan diri daripada sebarang maksiat kepada Allah s.w.t. Dalam kefahaman yang lebih khusus, sabar itu perlu dipraktikkan melalui sikap menahan diri daripada mencederakan diri sendiri atau mengoyakkan pakaian sebagai gambaran kepada tekanan yang dilalui, perasaan tidak puas hati pada sesuatu perkara, penderitaan atau kesengsaraan yang dirasai pada masa tersebut (Ibn Qayyim 1961). Imam al-Ghazali (1990) sifatkan perilaku kurang baik itu sebagai bertentangan dengan sifat sabar dan ia adalah gambaran kepada perasaan gelisah dan keluh kesah di dalam jiwa. Justeru, ketika manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ancaman daripada Covid-19 ini, menanam sifat sabar sangat diperlukan dalam menerima pelbagai ketentuan takdir yang berhubung dengan penderitaan atau kesulitan terutama berhadapan dengan ujian sakit, kemiskinan, kehilangan pekerjaan, kelaparan, pergolakan rumahtangga, keciciran pembelajaran pada anak-anak, kematian ahli keluarga dan sebagainya lagi. Imam al-Ghazali (1990;1988) sifatkannya sebagai salah satu sifat sabar yang tertinggi kerana manusia tidak ada kuasa padanya dan tidak mempunyai pilihan untuk menolaknya, sebagaimana kata-katanya: “kalau kamu bertanya, bahawa dengan apa dicapai darjat sabar pada musibah? Dan tidaklah hal itu atas pilihannya.” Begitu juga dalam al-Quran, Allah jelaskannya dalam surah al-Baqarah:

Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan dan juga masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan) dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Baqarah 2:117).

Dalam keadaan sebegini, setiap individu Muslim perlu sentiasa bersabar dengan mendidik diri agar menerima ketentuan takdir dengan lapang dada dan menyerahkan setiap urusan tersebut kepada Allah Taala di samping berusaha mengatasinya dengan semampunya. Sesungguhnya seorang Mukmin yang percaya kepada takdir Allah, tidak seharusnya merasa kecewa apabila ditimpa sebarang musibah, malah dia mesti menerimanya dengan penuh kesabaran dan tawakkal. Dalam erti kata lain, seseorang individu itu harus hidup dengan nilai dan sifat sabar walaupun dihujani dengan

pelbagai cabaran serta rintangan dalam kehidupan. Ibn Ata'illah dalam kitab *Risalah Sufi al-Qusyairi* oleh al-Qusyairi (2001) pernah menyatakan bahawa sabar itu perlu tabah dalam malapetaka dengan perlakuan yang manis, dan berlalunya jiwa dalam cubaan tanpa sebarang keluhan.

Di samping itu, Imam al-Ghazali (1991) juga menjelaskan bahawa sabar adalah menahan diri daripada marah kepada perkara yang tidak disukai dan menahan lidah daripada mengadu kepada apa yang selain daripada Allah. Beliau jelaskan dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din* (1990;1988): “ Kalau perbuatan itu termasuk dalam perbuatan mudah mengerjakannya, nescaya sabar adalah lebih berat atasnya, seperti sabar daripada maksiat lidah...” Dalam konteks masa kini, sabar perlu dipraktikkan oleh setiap individu Muslim dengan menahan lidah daripada mengeluh dan merintih dengan apa yang terjadi dalam hidupnya seperti berkeluh kesah dengan kesempitan hidup yang dialaminya ekoran daripada kerajaan yang menutupi sebahagian besar sektor ekonomi pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan, memaki hamun atau mencaci kepada mereka yang tidak memuaskan hatinya seperti mencerca pihak barisan hadapan kerana merasakan mereka tidak melakukan tugas yang sepatutnya bagi memutuskan rantai wabak Covid-19, menghina atau mengeluarkan kata-kata berbaur ejekan kepada mereka yang dijangkiti virus Covid-19 dan marah kepada sesiapa sahaja yang dirasakan mengganggu hidupnya seperti marah kepada pihak berkuasa yang melakukan sekatan jalan raya kerana dirasakan menyusahkan hidupnya. Begitu juga sabar amat diperlukan dalam menahan perasaan marah melalui penulisan, di mana pada zaman kini, media sosial dijadikan medium utama rakyat Malaysia (28 juta pengguna media sosial) untuk melakukan kerja dari rumah, pengajaran dan pembelajaran, mendapatkan pelbagai maklumat terkini dan mengisi masa lapang (Nik Azmi et. al 2020; Berita Harian 2021). Justeru, terdapat segelintir ahli masyarakat yang lebih gemar menggunakan saluran media sosial seperti *facebook, whatsapp, instagram, twitter, wechat, blog, forum* dan lain-lain lagi bagi menzahirkan perasaan tidak puas hati dan marah mereka mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan wabak Covid-19 ini. Mereka meluahkan rasa gembira, kecewa, bimbang, dukacita dan marah dengan berkongsi cerita yang kadang kala belum tentu kesahihannya tentang isu-isu yang berkaitan Covid-19, menyebarkan video yang kadangkala menjatuhkan maruah seseorang dan banyak lagi. Impaknya, muncul dalam masyarakat

mengenai sesuatu yang tidak benar tentang penularan wabak ini sehingga ia menimbulkan pelbagai kebohongan, adu domba, keraguan, hasutan, ugutan dan kandungan berbaur provokasi. Pada masa yang sama, semua ini kadang kala mampu mencetuskan persepsi negatif dan lebih buruk lagi mencipta banyak fitnah di kalangan masyarakat. Keadaan yang tidak baik seumpama ini pernah digambarkan oleh Imam al-Ghazali (1990) sebagai sesuatu yang melampau batas dan berlebihan, ekoran daripada tiada kesabaran dalam diri sehingga mengikut apa sahaja yang didorong oleh hawa nafsu dalam perbuatan, percakapan dan penulisan. Hasilnya, perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan sesebuah masyarakat tersebut akan mudah terganggu.

Seterusnya, Imam al-Ghazali (1990;1991) juga menyentuh tentang sabar dalam beribadat dan ketaatan kepada Allah Taala. Dalam konteks situasi semasa di mana negara sedang berhadapan dengan penularan wabak Covid-19, sabar untuk patuh kepada arahan kerajaan amat diperlukan daripada masa ke semasa. Hakikatnya dalam Islam, mematuhi *ulil amri* (kerajaan atau pemegang kuasa) yang memerintah sesebuah negara adalah wajib. Ia bertepatan dengan apa yang difirmankan oleh Allah dalam surah al-Nisa', ayat 59:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada orang-orang yang berkuasa daripada kalangan kamu.

Hal-hal yang berkait dengan kemaslahatan orang awam, adalah menjadi tugas pihak kerajaan (*ulil amri*) untuk memastikan rakyatnya terjaga daripada segala bahaya dan kerosakan. Justeru, setiap rakyat Malaysia secara umumnya dan individu Muslim secara khususnya wajib bersabar dalam mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa bagi mengekang penularan wabak Covid-19 ini. Contohnya, rakyat Malaysia perlu bersabar dengan mempercayai dan mematuhi arahan kerajaan agar mendapatkan suntikan vaksin walaupun timbul pelbagai kontroversi mengenainya. Ini kerana *World Health Organization* (WHO) mengakui bahawa vaksin adalah kaedah terbaik bagi mengawal merebaknya virus kerana ia mampu mengaktifkan sistem imun badan manusia (Muhammad Nazir et. al 2020). Selain itu, rakyat Malaysia juga perlu bersabar dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti pemakaian pelitup muka, penggunaan pensanitasi tangan, amalan mencuci

tangan menggunakan sabun, penjarakan fizikal dan penjagaan kebersihan diri. Semua ini merupakan amalan norma baru kehidupan yang perlu dilakukan oleh setiap individu secara sabar dan konsisten bagi mengekang penularan wabak Covid-19 (KKM 2020). Ini bermakna, masyarakat perlu dibimbing dengan sebaiknya dan dalam masa yang sama perlu dikawal dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh para pemimpin bagi memelihara kemaslahatan masyarakat (Nor Mazia et.al 2021). Di samping itu, kepatuhan sebegini jelas tergambar dalam kata-kata Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din*: “sabar atas taat, adalah sabar atas kesulitan. Orang yang taat itu memerlukan kepada sabar pada taatnya.” Secara jelasnya dapat dinyatakan bahawa ketaatan kepada pemimpin dalam urusan kemaslahatan umum secara khususnya dalam perkara yang berkaitan penghapusan wabak Covid-19 merupakan salah satu ibadat juga.

Ekoran daripada banyak bersabar dalam kehidupan yang penuh ujian pada zaman Covid-19 ini, Imam al-Ghazali (1990) gambarkannya sebagai kehidupan yang baik dan kemudiannya bahagia, yang mana beliau tegaskan bahawa ianya berpunca daripada sifat sabar yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, sabar yang dihayati dalam kehidupan terutama semasa menghadapi pelbagai ujian dan dugaan yang melanda, ia secara tak langsung mampu memberikan kesan yang sangat baik bagi mendapatkan kebahagiaan diri di dunia dan juga akhirat. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 155 sehingga 156 sebagaimana berikut:

Dan Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa, dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata, *Inna lillahi wa innailaihi roji'un*”

Wahai hamba-hambaKu yang beriman! bertakwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). Dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira. (Surah al-Zumar 39:10)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, jelas bahawa Allah Taala sentiasa mengingatkan hamba-Nya agar sentiasa bertakwa dan seiring dengan ketakwaan itu adalah bersikap sabar kerana setiap kesukaran dan penderitaan sekiranya dihadapi dengan tabah dan sabar, selalunya akan dibalas dengan kejayaan

dan kesenangan oleh Allah. Ia mempunyai ganjaran yang sangat besar di sisi Allah s.w.t.

Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya), mereka dibalas oleh Allah dengan Syurga dan (persalinan dari) sutera.

(Surah al-Insan 76:12)

Menurut Imam al-Ghazali (1990) lagi, bersabar dalam menempuh pelbagai ujian yang mendatang adalah suatu ibadah yang sangat mulia. Hal ini juga pernah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Sungguh menakjubkan urusan seorang Mukmin. Segala perkara yang dialaminya sangat menakjubkan. Setiap takdir yang ditetapkan oleh Allah bagi dirinya adalah kebaikan. Apabila kebaikan dialaminya, maka dia bersyukur dan hal itu merupakan kebaikan baginya. Dan apabila keburukan menimpanya, dia bersabar dan hal itu merupakan kebaikan baginya

(Hadis Riwayat Muslim).

Ibn Abbas r.a. pernah berkata bahawa sabar dalam menghadapi musibah menjanjikan sembilan ratus darjat kebaikan (Imam al-Ghazali 1990). Justeru, sifat sabar dengan segala dugaan akan diberikan ganjaran yang besar oleh Allah s.w.t serta dihapuskan dosa-dosanya. Abu Ali al-Daqqaq pernah menyatakan dalam kitab *Risalah Sufi al-Qusyairi* oleh al-Qusyairi (2001), “orang yang sabar akan mencapai darjat yang tinggi di dunia dan di akhirat, sebab mereka menjadi manusia yang disertai oleh Allah.”

Oleh yang demikian, sabar dilihat sebagai satu amalan yang sangat hebat kepada setiap individu Muslim dalam menghadapi pelbagai cabaran pada zaman Covid-19 ini. Ia adalah suatu kekayaan spiritual yang memandu manusia ke arah kejayaan dan kemenangan memerangi wabak ini, keampunan daripada Allah kerana sentiasa bersabar dan menyerahkan urusan tersebut kepada Allah, kegembiraan, ketenangan dan kebahagiaan kerana yakin pada setiap ketentuan Allah Taala itu mengandungi pelbagai hikmah yang tersembunyi. Sekiranya tiada sifat sabar dalam diri setiap individu Muslim dan anggota masyarakat Malaysia secara amnya, maka ia mudah menyebabkan berlakunya gejala-gejala yang tidak diingini seperti fitnah berleluasa yang menghuru harakan masyarakat dan sekaligus mambantut usaha kerajaan untuk mengekang penularan wabak ini dengan cepat, timbulnya pelbagai usaha memprotes seperti demonstrasi jalanan, tunjuk perasaan, boikot sesuatu perkara dan lain-lain lagi demi meluahkan rasa ketidakpuasan hati. Oleh sebab itu, ramai

ulama Islam seperti Imam al-Ghazali (1990) dan al-Qushairi (1972) sering menegaskan bahawa kesabaran amat diperlukan pada setiap individu agar dapat menjadi benteng kepada kehendak hawa nafsu yang ingin melakukan perkara-perkara yang mengembirakan syahwat serta mengikut jejak syaitan dalam menghancurkan kehidupan manusia.

KESIMPULAN

Dalam rangka mendepani pelbagai ujian daripada penularan wabak Covid-19, memupuk sifat sabar dalam diri dilihat sebagai ikhtiar diri yang terbaik. Ia mampu mendidik manusia untuk menjadi lebih baik dari masa ke semasa dalam menghadapi pelbagai cabaran, tekanan dan kesan daripada penularan wabak ini. Sedar diri sebagai hamba Allah yang lemah dalam semua perkara dan mengakui akan semua ujian dan dugaan tersebut datangnya daripada Allah secara mutlak, mampu membentuk kesabaran sebagai kekuatan diri yang menjadi benteng daripada terjerumus ke dalam perkara yang buruk. Sabar juga diperlukan dalam mengharungi pelbagai ujian ekoran daripada kesan penularan wabak Covid-19 seperti kemiskinan, kelaparan, kematian dan sebagainya lagi. Di samping itu, sabar juga perlu diterapkan dalam anggota masyarakat bagi mematuhi arahan kerajaan dari masa kesemasa dengan mengikuti apa yang telah digariskan seperti memakai pelitup muka, membasuh tangan, penjarakan fizikal dan lain-lain lagi.

Konklusinya, sifat sabar yang sentiasa dipupuk dalam diri mampu menghasilkan pemikiran yang matang dan positif, sifat tenang dan redha, yang mana ianya akan menjadi neraca terbaik dalam menilai segala ujian dan cabaran hidup agar tidak hilang pertimbangan dan kewarasan akal sehingga memilih sudut yang negatif kepada diri, keluarga dan masyarakat. Islam mengajar agar setiap Muslim menghadapi musibah ini dengan ajaran Islam yang penuh dengan hikmah, kematangan, kesedaran, ketenangan, kesabaran dan keredhaan.

RUJUKAN

Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd. Sukor, Nor Hanizah Ab. Razak. 2020. Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research* 2(4):156-174.

- Bernama*. 2021. Malaysia ada 28 juta Pengguna Media Sosial. *BH online*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/09/867407/malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial> [22 September 2021].
- Chinazzi, et al. 2020. The effect of travel restrictions on the spread of the 2019 Novel Coronavirus (COVID-19) outbreak, *Science* 6.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. 1988. *Ihyā' 'Ulūm al-dīn*. Terj. TK.H. Ismail Yakub. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. 1990. *Ihyā' 'Ulūm al-dīn*. Damsyik: Dar al-Khayr.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1991. *Akhlaq Seorang Muslim*. Terj. Muhammad Tohir, Kuala Lumpur: Victoria Agencies.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Situasi semasa jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. *Berita Harian*. <https://kpkkesihatan.com/2020/03/08/kenyataan-akhbar-kkm-8-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-Malaysia>. [1 September 2021].
- Al-Makki, Abu Talib. 1997. *Qut al-qulub*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyah
- Mohd. Rosmizi Abd. Rahman. 2020. COVID-19 Menurut Pandangan Akidah dan Rawatan Islam: Satu Tinjauan Awal. *e-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains: Covid-19: Implication, Impact & Solution 2020*, hlm.137-155.
- Muhammad Nazir, Nik Abdul Rahim, Muhammad Adib & Mohd. Sham. 2020. Penghasilan vaksin yang mengandungi unsur najis menurut perspektif maqasid syariah. *Jurnal Islamiyyat* 42(1):39-47.
- Nik Azmi Nik Omar, Nur Zainie Abd. Hamid, Nabila Ahmad, Mohd. Fazil Jamaludin, Siti Fairuza Hassam. 2021. Pandemik Covid-19: Keberkesanan penyebaran maklumat oleh kerajaan dan pematuhan rakyat terhadap perintah kawalan pergerakan (PKP). *Journal of Public Security and Safety* 11 (1): 127-147.
- Nor Mazia, Hazura, Razzaliah & Muhammad Adib. 2021. Faktor penentu kejayaan sistem penguatkuasaan dan pendakwaan syariah di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 43(1):27-36
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1992. *Sabar dalam Islam*. Terj. Ramli Awang. Johor: Bismi Publishers.
- Ibn Qayyim. 1961. *Ighathah al-Lahfan min Masayid al-Syaitan*. Juz.1. Tahqiq: Muhammad Sayyid Kailani. T.tp: Syarikah Kutub wa Matbaah Mustafa al-Bab al-Halab wa Auladuhu.
- Al-Qusyairi, Abd. Karim ibn Hawazin. 2001. *Risalah Sufi al-Qusyairi*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Rozita, T. 2020. *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>
- Sidang Editor DBP. 2005. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENGARANG

Dr. Nozira binti Salleh
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.
aziera@ukm.edu.my

Dr. Indriaty binti Ismail
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.
indriaty@ukm.edu.my

Dr. Sharifah binti Ismail
Pensyarah Kanan
College of Arts and Science
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah Darul Aman.
sharifah@uum.edu.my